

Newspaper : Utusan Malaysia

Date : 25th December 2013

Title : Pakej fizikal KLIA2 akan siap mengikut jadual- UEM-Bina Puri

Section : Bisnes Page : 17

Bina Puri Holdings Bhd

(207184-X)

Pakej fizikal KLIA2 akan siap mengikut jadual – UEM, Bina Puri

KUALA LUMPUR 24 Dis. - Rakan usahasama, UEM Construction Sdn. Bhd. dan Bina Puri Sdn. Bhd. mengesahkan akan menyiapkan pakej kerja bagi KLIA2 yang melibatkan bangunan terminal utama, bangunan satelit, jambatan udara (*sky bridge*) dan jeti terminal dalam tempoh yang ditetapkan.

Pengarah Urusan UEM Builders Berhad, Mohd Razin Ghazali berkata, mereka berkerja keras bagi memastikan pakej fizikal siap dan mendapatkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) menjelang 31 Januari 2014 dengan sokongan daripada pihak berkepentingan iaitu Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

“Walaupun objektif kami ada-

lah untuk menetapi tarikh akhir, ia akan dilakukan tanpa berkompromi tentang isu keselamatan, kualiti dan kecekapan operasi lapangan terbang baharu,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Terminal utama KLIA2 dibina oleh syarikat konsortium UEMC-Bina Puri JV yang telah dianugerahkan pakej mereka bentuk, membina dan menyelenggara terminal, bangunan satelit, jam-

batan udara dan jeti terminal ke pesawat bernilai RM997 juta.

Pakej ini adalah satu daripada 32 pakej awal yang telah dianugerahkan oleh MAHB kepada syarikat-syarikat kontraktor pada permulaan projek.

Tempoh siap terminal berke-

naan dipinda beberapa kali sejak 2011 dan kos pembinaannya telah meningkat dari RM2 bilion kepada RM4 bilion.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri, Matthew Tee berkata, walaupun menghadapi banyak cabaran, perkongsian usahasama terbabit telah menjalankan kerja dengan rapi bagi tarikh akhir CCC supaya proses Kesediaan Operasi dan Pemindahan Lapangan Terbang (ORAT) dapat dimulakan pada 1 Februari depan.

“Kami menerima kerjasama yang baik dari semua pihak dan berharap perkara ini akan berterusan pada bulan depan,” ujarnya.

LAKARAN artis terminal utama KLIA2.

